

Headline	Sistem HTD bawa Malaysia ke era teknologi bebas kimia		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	09 Jan 2014	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	230 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 474
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,422



Industri pembuatan perabot

Sistem HTD bawa Malaysia ke era teknologi bebas kimia

KUALA LUMPUR: Sistem pengeringan suhu tinggi (HTD) untuk rawatan kayu akan membawa Malaysia ke era teknologi baru bebas kimia dalam industri pembuatan perabot.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G. Palanivel berkata teknologi HTD, yang menghapuskan penggunaan kimia dalam pemprosesan kayu getah, juga akan mengurangkan tempoh pemprosesan daripada 12 hari kepada dua hari.

“Saya menggesa penggiat industri mengambil peluang untuk mempelajari sistem baharu ini dan seterusnya menjadi pengguna teknologi inovatif ini,” katanya pada pelancaran forum pengenalan sistem HTD bagi rawatan kayu di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini Selasa lalu.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri James Dawos Mamit.

Kira-kira 150 peserta menyertai forum separuh hari anjuran bersama FRIM, Lembaga Perindustrian Perakayuan Malaysia (MTIB) dan Majlis Kayu-kayan Malaysia (MTC).

Turut hadir Datuk Dr Abd Latif Mohmod (Ketua Pengarah FRIM), Mahpar Atan (Pengarah Kemajuan Industri MTIB), Abdullah Abdul Malek (Pengarah Bekalan Bahan Mentah MTC), dan Richard Lee (Pengarah Teknikal Advanced Low Pressure System Sdn Bhd).

Palanivel berkata perabot kayu getah menyumbang kira-kira RM5 juta daripada hasil eksport sektor perkayuan pada 2012.

“Kini terdapat lebih 2,000 syarikat perabot beroperasi di Malaysia.

“Menerusi teknologi HTD, mereka boleh menjimatkan penggunaan tenaga dan operasi yang lebih efisien serta mengurangkan kos, yang secara langsung meningkatkan daya saing industri terbabit,” kata beliau.

Bercakap kepada pemberita selepas forum itu, Abd Latif berkata FRIM bersedia berkongsi teknologi HTD dengan negara lain.

Beliau berkata FRIM telah diberi lesen teknologi eksklusif Sistem Tekanan Rendah Termaju untuk dikomersilkan dalam negara dan di luar negara.

“FRIM kini memperoleh paten untuk sistem HTD daripada Perbadanan Harta Intelekt Malaysia pada Oktober tahun lepas, dan telah memfailkan paten itu di Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia, China dan India,” katanya.

Sementara itu, Lee dari ALPS berkata syarikatnya telah hampir setahun menggunakan teknologi HTD dan mampu menghasilkan sebanyak 20 tan kayu getah setiap sesi.

“Kami akan melabur RM10 juta tahun ini dan RM12 juta lagi tahun depan untuk membangunkan kemudahan bagi sistem HTD.

“Di peringkat antarabangsa, kami merancang membina kilang baharu di Thailand dan ia akan beroperasi hujung tahun ini,” katanya.

Sistem HTD dibangunkan dan diperhalusi lebih 10 tahun oleh para penyelidik FRIM, Choo Kheng Ten dan Dr Sik Huei Shing. – Bernama